



KENYATAAN MEDIA HARI KE-18

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri melalui Sabah Covid-19 Command Centre pada hari ini telah memutuskan untuk menyeragamkan waktu operasi dan mengeluarkan Tatacara Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 mulai 01 April hingga 14 April 2020 di Sabah seperti di **Lampiran A**.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
04 April 2020 | 10.00 pagi**

**TATACARA PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

LAMPIRAN A

**KAWALAN PERNIAGAAN MAKANAN
& KEPERLUAN ASAS**

Perkara	Kedai Barangan Harian (Pasaraya, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka, Baker)	Restoran	Penghantaran Bermotosikal	Pesanan Atas Talian
Waktu Operasi	6.00 pagi – 6.00 petang	6.00 pagi – 6.00 petang	6.00 pagi – 6.00 petang	24 jam
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laksana jarak sosial (<i>social distancing</i>) satu meter. 2. Kawalan jumlah Pembeli yang munasabah dalam satu-satu masa. 3. Penetapan satu pintu/laluan masuk dan satu pintu/laluan keluar. 4. Had masa bagi setiap pembeli: tidak lebih 30 min. 5. Pengimbasan suhu badan oleh pemilik premis. 6. Pelanggan dan pekerja diwajibkan untuk memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya perkhidmatan <i>take-away</i> dan penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja dibenarkan. 2. Pekerja yang mengendali dan menghantar makanan hendaklah disahkan bebas daripada tanda-tanda jangkitan penyakit Covid-19. 	Hanya untuk tujuan menghantar bahan makanan mentah, makanan siap dimasak, hasil tani, tong gas dan ubat-ubatan.	Penghantaran hanya melibatkan makanan, produk kesihatan, keperluan asas dan lain-lain dalam tempoh 6.00 pagi - 6.00 petang.
Kawalan Pembelian	Seorang pembeli untuk satu isi rumah			

**TATACARA PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

**KAWALAN PASAR AWAM, RESTORAN FAST FOOD, PASAR
MALAM, PASAR TANI, TAMU DAN BAZAAR RAMADHAN**

Perkara	Pasar Awam	Restoran Fast Food (KFC, Mc Donald, Pizza Hut)	Pasar Malam, Pasar Tani, Tamu Dan Bazaar Ramadhan
Waktu Operasi	6.00 pagi – 2.00 petang	9.00 pagi – 6.00 petang	
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laksana jarak sosial (<i>social distancing</i>) satu meter. 2. Kawalan jumlah pembeli yang munasabah dalam satu- satu masa. 3. Penetapan satu pintu/laluan masuk dan satu pintu/laluan keluar. 4. Had masa bagi setiap pembeli: 30 min. 5. Kawalan keselamatan oleh setiap PBT. 6. Pelanggan dan pekerja diwajibkan untuk memakai face mask dan menggunakan hand sanitizer. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya drive-thru dan perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja dibenarkan. 2. Pekerja yang mengendali dan menghantar makanan hendaklah disahkan bebas daripada tanda-tanda jangkitan penyakit Covid-19. 	Tidak dibenarkan beroperasi
Kawalan Pembelian	Seorang pembeli untuk satu isi rumah		

**TATACARA PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

**KAWALAN PERGERAKAN KENDERAAN PERSENDIRIAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN
PENGANGKUTAN KOMERSIAL (ESSENTIAL GOODS AND SERVICES)**

Perkara	Persendirian	Pengangkutan Awam (Teksi, Kereta Sewa, Grab, E-Hailing, Bot Penumpang)	Pengangkutan Komersial (<i>Essential Goods And Services</i>)	Keretapi Dan Feri Penumpang / Ro-Ro
Waktu Operasi	6.00 pagi – 6.00 petang	6.00 pagi – 6.00 petang	6.00 pagi – 6.00 petang	24 jam
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> Hanya pemandu sahaja dibenarkan untuk setiap kenderaan Pengecualian diberikan hanya bagi kes kecemasan/ OKU/ ibu mengandung /mendapatkan perkhidmatan kesihatan 	<ol style="list-style-type: none"> Hanya pemandu dan 2 orang penumpang dibenarkan. Pemandu dan Penumpang diwajibkan memakai face mask dan menggunakan hand sanitizer. Perkhidmatan bas dan bas mini tidak dibenarkan. Perkhidmatan bot penumpang adalah tidak dibenarkan. 	<ol style="list-style-type: none"> Hanya bagi tujuan membawa bahan makanan, hasil tani dan ubat-ubatan. Lori/Van/Wagon/ Pick-up kurang dua (2) tan: <ol style="list-style-type: none"> seorang pemandu dan seorang pekerja Pengesahan/ kebenaran bergerak oleh Jabatan dan Agensi MAFI untuk membawa hasil tani. Lori / treler lebih 2 tan: <ol style="list-style-type: none"> seorang pemandu dan seorang pekerja Permit kebenaran membawa muatan dari MITI, KPDNHEP, MAFI dan KKM Pemandu dan Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> Keretapi mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Feri Penumpang dan RO-RO mengikut Jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga. Pemandu, Pekerja dan Penumpang diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>.
Lain-Lain	<i>Quick response services</i> (pembaikan/tunda) kenderaan rosak di tempat kejadian (<i>on-site</i>) dibenarkan			

**TATACARA PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

**KAWALAN STESYEN MINYAK, BENGKEL DAN KEDAI TAYAR
DAN BENGKEL MOTOSIKAL**

Perkara	Stesen Minyak	Bengkel Dan Kedai Tayar	Bengkel Motosikal
Waktu Operasi	6.00 pagi - 6.00 petang	8.00 pagi – 2.00 petang	8.00 pagi – 2.00 petang
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenderaan Komersial dan Kenderaan Kerajaan yang membawa <i>essential goods</i> atau tujuan operasi <i>essential services</i> waktu operasi adalah 6.00 pagi hingga 6.00 petang. 2. Kenderaan Persendirian hanya dibenarkan mengisi minyak antara jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang 3. Premis menyahkumkan kawasan dan kemudahan stesen minyak secara berterusan. 4. Pelanggan dan Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dibenarkan operasi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja. Hanya bengkel yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan Daerah yang dibenarkan. 2. Bagi daerah-daerah Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau, Lahad Datu, Penampang, Tuaran, Beaufort, Ranau, Papar, Sipitang, Tenom dan Kudat hanya tiga (3) buah bengkel dibenarkan. 3. Bagi daerah lain hanya dua (2) bengkel dibenarkan. 4. Pelanggan dan Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya dua (2) bengkel dibenarkan beroperasi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja yang mendapat kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Tempatan Daerah 2. Pelanggan dan Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>.
Lain-Lain	<i>Quick response services</i> (pembaikan/tunda) kenderaan rosak di tempat kejadian (<i>on-site</i>) dibenarkan		

**TATACARA PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

KAWALAN KEDAI MAKANAN PELIHARAAN HAIWAN [PET SHOP]

Perkara	Kedai Makanan Peliharaan Haiwan [Pet Shop]
Waktu Operasi	8.00 pagi – 2.00 petang
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dibenarkan operasi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja. 2. Pelanggan dan Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>.
Kawalan Pembelian	Seorang pembeli untuk satu isi rumah

KAWALAN OPERASI INDUSTRI DAN KILANG

Perkara	Operasi Industri Dan Kilang
Kebenaran Operasi	Hanya industri berasaskan makanan dan perubatan sahaja dibenarkan beroperasi pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan jarak sosial (<i>social distancing</i>) satu (1) meter. 2. Saringan suhu badan dilaksana di laluan masuk premis kerja (suhu badan dengan bacaan melebihi 37.5 darjah celsius dan ke atas tidak dibenarkan masuk). 3. Penetapan satu (1) pintu masuk / laluan dan satu (1) pintu keluar / laluan. 4. Kantin di dalam premis industri tidak dibenarkan beroperasi. 5. Pekerja diwajibkan memakai <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. 6. Pengusaha premis diwajibkan melakukan kerja-kerja menyahkuman di premis masing-masing secara berterusan. 7. Bilangan pekerja hendaklah dikurangkan 50% daripada kapasiti asal.
Pengurusan pekerja	Pekerja diwajibkan menggunakan <i>face mask</i> dan menggunakan <i>hand sanitizer</i> .
Kawalan Keselamatan dan Pemantauan	PBT dengan kerjasama PDRM dan RELA berkuasa membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan undang-undang.

**KAWALAN OPERASI BARTER TRADE DAN KUMPIT
SERTA PERKHIDMATAN *NON-ESSENTIAL***

Perkara	Operasi Barter Trade Dan Kumpit Serta Perkhidmatan <i>Non-Essential</i>
Operasi Barter Trade Dan Kumpit	Tidak dibenarkan
Perkhidmatan <i>non-essential</i>	Perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam tatacara ini adalah tidak dibenarkan.